

## Qari Jabatan Penerangan Juara Musabaqah Tilawah Al-Quran Jabatan Perdana Menteri

Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi, Penolong Pegawai Penerangan di Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah menjuarai Musabaqah Tilawah Al-Quran Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan-jabatan Di Bawahnya. Acara telah berlangsung di Dewan Bankuet, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat pada 6 Ogos.

Musabaqah kali ini adalah bagi tahun 1430Hijrah/2009 Masihi. Tetamu kehormat majlis ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Eusoff Agaki Haji Ismail, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Yang Mulia Timbalan Menteri juga berkesudian menyampaikan piala iringan, wang tunai dan sijil penyertaan kepada para pemenang.

Dengan markah 91.5%, Pengiran Haji Zahari telah berjaya menewaskan tiga peserta qari yang lain. Naib juara, Awang Haji Yusof bin Haji Ahmad, qari Polis Diraja Brunei dengan 83.5% dan wakil Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Awang Haji Abdullah bin Haji Tengah di tempat ketiga dengan markah 80%.

Bahagian qariah dijuarai oleh



Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Eusoff Agaki selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada johan qari berupa piala iringan, wang tunai \$800.00 dan sijil penyertaan.

Dayang Norputemah binti Haji Puteh, wakil Polis Diraja Brunei; naib juara, Dayang Hajah Suzie Suriyani binti Haji Suhaimi dari Jabatan Audit dan tempat ketiga, Dayang Noriah binti Tuah, wakil Jabatan Radio dan Televisyen Brunei.

Majlis petang itu diserikan dengan persembahan Tausyeh oleh penuntut-penuntut perempuan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.



Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi ketika memperdengarkan bacaan Surah Ali 'Imran bermula dari ayat 130 di Majlis Musabaqah Tilawah Al-Quran.

### Pemberitahuan

Untuk makluman pegawai dan kakitangan jabatan ini, Bahagian Pameran telah digabungkan dengan Bahagian Penerbitan. Bahagian tersebut kini menjadi Bahagian Pameran dan Penerbitan dan diketuai oleh Awang Azman bin Haji Abdul Rahim.

Sehubungan dengan penggabungan tersebut tiga orang pegawai dari Bahagian Penerbitan juga kini telah bertugas di Bahagian Pameran dan Penerbitan. Pegawai-pegawai tersebut ialah Awang Haji Roslan bin Haji Md. Daud, Pereka Tingkat III; Dayang Painah binti Paiman, Penolong Penyunting Tingkat III dan Md. Suzawadeen bin Md. Zaidi, Pelukis.

Sementara Bahagian Penerbitan, Laporan Tahunan dan Tugas Khas kini menjadi Bahagian Laporan Tahunan dan Tugas Khas diketuai oleh Awang Musa bin Mohiddin dan kakitangan di bawahnya ialah Dayang Noraisah binti Haji Mohammad, Penolong Penyunting Tingkat III; Hajah Nuramanina binti Haji Hassan, Kerani dan Dk. Nur-Effa Ryina binti Pg. Haji Hamdani, Pembantu Pegawai Luar.

### Tahniah

Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mengucapkan tahniah kepada Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi atas kejayaan menjuarai Musabaqah Tilawah Al-Quran Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan-jabatan Di Bawahnya.

**Penasihat**

Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong

**Ketua Pengarang**

Hajah Noorashidah Haji Aliomar  
Sastra Sarini Haji Julaini

**Ahli Sidang Pengarang**

Norihah Haji Abdul Hamid  
Hajah Noorhijrah Haji Idris  
Hajah Zaijanit Haji Noorkhan  
Aidah Hidop  
Hajah Apsah Haji Sahdan

**Penyumbang Berita**

Ismalee Haji Abdul Rahman  
Hajah Norpisah Md Salleh  
Asnah Haji Diwa  
Bahagian-bahagian  
Cawangan Daerah-daerah

**Penyemak**

Hajah Norpisah Md Salleh

**Penyelaras Online**

Haji Ariffin Mohd Noor

**Fotografi**

Bahagian Fotografi

&

Audio Visual

Bahagian Perhubungan Awam

Bahagian Berita Inggeris

&

Media IT

Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad

**Reka Letak**

Hajah Apsah Haji Sahdan

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera*

Pada bulan ini penumpuan kegiatan jabatan begitu giat sekali terutama pada minggu pertama hingga minggu ketiga dan pada minggu keempat pula kita sudah mula melaksanakan salah satu daripada lima Rukun Islam iaitu berpuasa dalam bulan Ramadan.

Salah satu aktiviti istimewa dan bersejarah bagi jabatan pada bulan ini ialah apabila salah seorang warga Penerangan telah memilih agama Islam sebagai jalan hidupnya. Keseluruhan pegawai dan kakitangan menadahkan tangan mengucapkan syukur kerana bertambahlah umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Sememangnya Majlis Pengislaman yang telah diselenggarakan dengan Majlis Iskrak Mikraj ini adalah besar ertinya bagi setiap warga. Di samping kitani dapat sama-sama menyambut hari Kebesaran Islam, kita juga menerima kehadiran saudara baru di kalangan warga.

Usaha-usaha ke arah meningkatkan kapasiti warga telah juga diadakan melalui aktiviti 'Team Building' yang telah diadakan di Daerah Temburong. Aktiviti seperti ini diadakan dalam usaha jabatan untuk terus mempertingkatkan semangat setia kawan, keyakinan diri setiap warga dalam menjalankan tugas seharian. Inilah yang dihasratkan oleh jabatan dan diharapkan aktiviti ini akan terus dilaratkan kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan.

Program-program lain jabatan juga diteruskan di mana Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut telah diadakan. Projek tahunan jabatan ini antara lain bertujuan untuk memperkayakan lagi penuntut-penuntut dengan maklumat terkini negara yang boleh digunakan sebagai bahan rujukan dan lain-lain.

Sesuai dengan bulan ini di mana kita menghampiri bulan akan menunaikan ibadat puasa, jabatan telah mengungkapkannya aktiviti Ceramah Menjelang Ramadan dalam sama-sama kita mengalu-alukan bulan yang penuh berkah ini. Setentunya ini akan dilaratkan dengan aktiviti-aktiviti keagamaan yang lazimnya akan kita laksanakan pada setiap tahun.

Kepada semua warga Penerangan, Selamat Menyambut Bulan Ramadan.

**DR. MUHAMMAD HADI BIN MUHAMMAD MELAYONG  
PENGARAH PENERANGAN**



**Isi Kandungan**

- Qari Jabatan Penerangan Juara Musabaqah Tilawah Al-Quran Jabatan Perdana Menteri  
- Pemberitahuan **1**
- Majlis Sambutan Israk Mikraj dan Meraikan Saudara Baru  
- Majlis Ceramah Menjelang Ramadan **3**
- Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut  
- Selamat Pengantin Baru **4-5**
- Kuiz ASEAN Peringkat Kebangsaan Tahun 2009  
- Sambutan Hari ASEAN 2009 **6**
- MRO Bertugas  
- Mesyuarat Persidangan Bagi Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Ke-4 **7**
- Penyampaian Hadiah Peraduan Fotografi Jabatan Penerangan  
- Kursus *Team Building* Tepat Sasaran  
- Selamat Hari Lahir **8**

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2382548

Atau e-mel terus ke [wartapenerangan@gmail.com](mailto:wartapenerangan@gmail.com)

Layarilah laman web PELITA BRUNEI melalui:  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>  
E-mail: [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)  
Keluarnya setiap 2 kali seminggu (Rabu dan Sabtu)

## Majlis Sambutan Israk Mikraj dan Meraikan Saudara Baru

Jabatan Penerangan telah mengadakan Majlis Sambutan Israk Mikraj Tahun 1430 Hijrah/2009 Masihi dan Majlis Meraikan Saudara Baru bertempat di Dewan Pengiran Setia Negara pada 13 Ogos.

Tetamu kehormat majlis ialah Awang Haji Saifulbahri bin Haji Mansor, Pemangku Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Majlis dimulakan dengan bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran oleh Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi, Penolong Pegawai Penerangan di Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan. Seterusnya Pengerusi Majlis, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim menyampaikan ucapan alu-aluan.

Ceramah khas berkisar mengenai peristiwa Israk Mikraj telah disampaikan oleh Ustaz Haji Nooralizam bin Haji Ali Akbar, penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis diteruskan dengan Persembahan Dikir Marhaban sebagai meraikan saudara baru, Dayang Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok, Perterjemah Bahasa Cina di Bahagian Perkhidmatan Media, diselajurkan dengan menabur bunga rampai kepada

saudara baru yang diraikan didahului oleh tetamu kehormat, Pengarah Penerangan, penceramah undangan, para pegawai dan kakitangan yang hadir pada pagi itu.

Tetamu kehormat juga berkesudian menyampaikan cenderamata kepada

Dayang Nur Amalina dan kepada Ustaz Haji Nooralizam, penceramah undangan.

Majlis Sambutan Israk Mikraj dan Meraikan Saudara Baru diakhiri dengan Bacaan Doa Selamat oleh Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Matyassin.



Pemangku Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Saifulbahari bin Haji Mansor ketika hadir selaku tetamu kehormat.



Majlis diserikan lagi dengan alunan Dikir Marhaban disampaikan oleh pasukan Dikir Jabatan Penerangan.



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi ketika menabur bunga rampai kepada Dayang Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok.



### Tahniah

Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mengucapkan syukur dan tahniah atas pengislaman Dayang Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok (Jennifer Mok Thai Geok).

## Majlis Ceramah Menjelang Ramadan

Menjelang bulan Ramadan Al-Mubarak, Jabatan Penerangan telah menganjurkan Majlis Ceramah Menjelang Ramadan Tahun 1430 Hijrah/2009 Masihi bertempat di Dewan Pengiran Setia Negara pada 20 Ogos.

Tetamu kehormat majlis, Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, dihadiri oleh para pegawai dan kakitangan jabatan.

Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengerusi Majlis, Awang Azman bin Haji Abdul Rahim, Pegawai Penerangan, diikuti seterusnya ceramah oleh Ustaz Haji Aminur bin Haji Yaakub, penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah.

Dalam ceramahnya, Ustaz Haji Aminur telah menyentuh mengenai ibadat puasa di bulan Ramadan yang mubarak, agar ibadat tersebut tidak dijadikan sebagai adat iaitu dengan hanya tidak makan dan minum di siang hari, tetapi hendaklah dijadikan sebagai ibadat iaitu menahan diri dari makan dan minum dan juga daripada syahwat rohani dan faraj.

Di samping itu, umat Islam digalakkan untuk lebih meningkatkan amal ibadat dan berinteraksi dengan Allah melalui bacaan Al-Quran, berzikir dan istighfar meminta ampun kepada Allah agar ditutup baginya pintu kejahatan dan dibuka pintu kebajikan dan rahmat.

Para hadirin juga berkesempatan mengemukakan soalan dan kemusykilan mengenai ibadat puasa khususnya dan yang

berkaitan dengan ibadat fardu ain.

Penyampaian cenderahati kepada penceramah undangan telah disempurnakan oleh Awang Haji Mahmud bin Haji Masri, Pegawai Pentadbir Tingkat Khas selaku wakil peribadi Pengarah Penerangan.



Ustaz Haji Aminur bin Haji Yaakub, penceramah undangan ketika menyampaikan ceramahnya berkisar mengenai ibadat puasa dan yang berkaitan dengan ibadat fardu ain.



Sebahagian para pegawai dan kakitangan lelaki dan perempuan yang menghadiri majlis tersebut.

## Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2009



Gambar ramai peserta Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2009 bersama Yang Mulia Dato Seri Paduka Eusoff Agaki Haji Ismail, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Seramai 71 orang mahasiswa telah menghadiri Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2009 anjuran Jabatan Penerangan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP) yang berlangsung dari 3 - 6 Ogos bertempat di Jabatan Penerangan.

Para peserta perkampungan tahun ini terdiri daripada penerima biasiswa Kementerian Pendidikan seramai 32 orang; 20 orang penerima biasiswa Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama; 18 orang penerima biasiswa BSP dan seorang mahasiswa persendirian.

Perkampungan Sivik tahun ini telah dirasmikan oleh Yang Mulia Dato Seri Paduka Eusoff Agaki Haji Ismail, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 3 Ogos bertempat di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan.

Manakala acara penutupan rasmi Perkampungan Sivik pula

diadakan pada 6 Ogos di tempat yang sama. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman; Timbalan Menteri Pendidikan. Beliau juga telah berkesudian untuk menyampaikan sijil kepada para peserta Perkampungan Sivik.

Sepanjang perkampungan selama empat hari, para peserta telah mendengarkan taklimat dari pelbagai agensi kerajaan antaranya dari Jabatan Penerangan mengenai Sistem Pemerintahan dan Struktur Kerajaan Negara Brunei Darussalam; Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN 21) dari Kementerian Pendidikan; Penyelenggaraan Akidah, Pembesaran Kawasan Bandar Seri Begawan; Kaedah Pencegahan

Penyakit Berjangkit Influenza A (H1N1), Perancangan Kemajuan Jangka Panjang Negara (Wawasan Brunei 2035); Penyalahgunaan Dadah (Sindiket Antarabangsa) dari Biro Kawalan Narkotik; dan Majlis Beradat Istiadat dari Jabatan Adat Istiadat.

Para peserta juga menyertai Bengkel 'Leadership Development' anjuran BSP bertempat di Arena Serbaguna, Taman Rekreasi Bukit Shahbandar, Jerudong.

Perkampungan Sivik merupakan salah satu aktiviti tahunan jabatan yang dikendalikan oleh Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dengan kerjasama beberapa buah kementerian dan agensi swasta.



Sebahagian dari mahasiswa diberikan taklimat ketika melawat Pameran di Pusat Da'wah Islamiah.



Sesi ramah mesra bersama mahasiswa semasa Majlis Makan Malam.



Sebahagian dari mahasiswa yang turut serta semasa lawatan ke Pusat Promosi Kesihatan.



Para peserta kursus mendengar taklimat semasa mengadakan lawatan ke Bangunan Alat-alat Kebesaran Diraja.



## Majlis Pembukaan Rasmi Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2009



Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Kassim bin Haji Abd. Rahman ketika menyampaikan taklimat kepada para peserta.



Sebahagian daripada peserta yang mengikuti Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2009.



## Majlis Penutupan Rasmi Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2009



Bergambar ramai di Majlis Penutupan Rasmi Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2009 bersama tetamu kehormat, Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Muhammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Timbalan Menteri Pendidikan.



Tetamu kehormat, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Muhammad menyampaikan sijil kepada peserta Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2009.

### *Selamat Pengantin Baru*

Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mengucapkan tahniah dan Selamat Pengantin Baru kepada dua orang kakitangan jabatan ini yang berlangsung pada 2hb Ogos 2009M bersamaan dengan 1hb Syaaban 1430H.

Dayang Hajah Sujimarwati binti Haji Abdullah/Mejari  
dengan  
Awang Azaraimy bin Haji Hasib

Dayang Nuruljannah binti Hassan  
dengan  
Awang Mohammad Zairolnizam bin Zaini

## Kuiz ASEAN Peringkat Kebangsaan Tahun 2009

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan telah menganjurkan Majlis Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Kebangsaan Tahun 2009 yang diadakan di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei pada 20 Ogos yang lalu. Hadir selaku tetamu kehormat, Awang Saifulbahri bin Haji Awang Mansor, Pemangku Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri.

Pertandingan Kuiz ASEAN telah dibuka kepada penuntut-penuntut pra-universiti yang berumur 18 tahun ke bawah. Dua buah sekolah, iaitu Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah telah berjaya memasuki Pertandingan Akhir Kuiz ASEAN Peringkat Kebangsaan. Di pertandingan akhir tersebut, setiap sekolah diwakili oleh tiga orang penuntut. Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah telah muncul sebagai juara sementara Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan



Para peserta Kuiz ASEAN bergambar ramai bersama tetamu kehormat, Awang Saifulbahri bin Haji Awang Mansor, Pemangku Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri.

menduduki tempat kedua. Peserta terbaik disandang oleh Muhammad Haziq Siddeq bin Asmad.

Majlis pada hari itu telah diserikan dengan persembahan koir oleh murid-murid Sekolah Rendah Kiarong. Penyampaian hadiah dan sijil telah disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Pertandingan Kuiz ASEAN ini adalah merupakan salah satu projek di bawah Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI Brunei Darussalam.

Pemenang-pemenang Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Kebangsaan ini akan dihantar bagi mewakili Negara Brunei Darussalam ke Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau yang akan diadakan di Republik Filipina pada awal Disember tahun ini. Peserta yang akan mewakili Negara Brunei Darussalam ke Peringkat Serantau ialah Awang Muhammad Haziq Siddeq bin Asmad, Awang Muhammad Adi Aiman bin Haji Rusli dan Dayang Farah Diyana binti Awang Harris.

## Sambutan Hari ASEAN 2009



Ahli Jawatankuasa Kebangsaan Kebudayaan dan Penerangan ASEAN (ASEAN-COCI) bergambar ramai bersama tetamu kehormat, Dr. Mataim bin Bakar, Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan ASEAN-COCI.

Setiap tahun apabila menjelang tanggal 8 Ogos Negara-negara ASEAN menyambut Hari Ulang Tahun Penubuhan ASEAN. Tahun ini adalah merupakan Sambutan Ulang Tahun Ke-42 Penubuhan ASEAN. Tema sambutan pada tahun ini ialah *Green ASEAN*. Menekankan sifat *environmentally friendly* dan *economically resilient* dalam pembangunan komuniti ASEAN. Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan meraikannya dengan mengendalikan pelbagai aktiviti.

Bertepatan dengan tema sambutan, Jawatankuasa Kebangsaan Kebudayaan dan Penerangan ASEAN (ASEAN-COCI) telah mengadakan Sambutan Hari ASEAN dengan Upacara Penanaman Pokok Gaharu bertempat di Taman Warisan

Tasek Merimbun, Tutong pada 11 Ogos yang lalu. Tetamu kehormat, Dr. Mataim bin Bakar, Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan ASEAN-COCI Brunei Darussalam. Juga hadir ialah Dayang Hajah Norsham binti Haji Yahya, Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kebudayaan ASEAN-COCI, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengarah Penerangan selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kebudayaan ASEAN-COCI dan Awang Haji Mahrub bin Haji Murni, Pengarah Radio Televisyen Brunei.

Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan dan Lagu ASEAN berjudul *ASEAN Way*, diikuti dengan menyusur denai dan menanam beberapa batang pokok Gaharu yang dimulakan oleh Dr. Mataim bin Bakar, Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan ASEAN-

Pegawai dan kakitangan Bahagian Hal Ehwat Antarabangsa bergambar bersama Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

COCI Brunei Darussalam. Acara diakhiri dengan menyaksikan Galeri Taman Warisan Tasek Merimbun.

## Pegawai Penghubung Media (MRO) yang bertugas pada bulan Ogos

Pegawai Penghubung Media atau Media Relations Officer (MRO), salah sebuah unit di Bahagian Perkhidmatan Media yang bertugas mengawal selia, menyelaraskan serta memantau pergerakan media dalam acara-acara yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja yang lain.

MRO bertugas untuk memastikan

liputan setiap majlis tertentu akan berjalan dengan teratur dan kemas serta mengikut peraturan dan ketetapan yang sedia ada. Ia juga memastikan setiap pengamal media mematuhi etika kewartawanan, baik dari segi berpakaian dan liputan.

Jadual dan gambar sumbangan:  
Bahagian Perkhidmatan Media



1 Ogos	-Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masnah ke Ekspo Produk Halal Antarabangsa (IHPE) di Pusat Persidangan Antarabangsa. -Bertugas di Pusat Media Ekspo Produk Halal Antarabangsa (IHPE) di Pusat Persidangan Antarabangsa.
2 Ogos	-Bertugas di Pusat Media Ekspo Produk Halal Antarabangsa (IHPE) di Pusat Persidangan Antarabangsa.
3 Ogos	-Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merasmikan upacara Menuai Padi Beras Laila.
4 Ogos	-Ketibaan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amal Berhormat Datuk Seri Najib Razak dan isteri.
5 Ogos	-Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman. -Majlis Santap Malam Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Perdana Menteri Malaysia di Istana Nurul Iman.
6 Ogos	-Aktiviti riadah berjalan kaki Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Malaysia di Taman Peranginan Tasek Lama. -Keberangkatan balik Perdana Menteri Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.
12 Ogos	-Pameran BRIDEX 2009 di Kompleks BRIDEX Jerudong.
14 Ogos	-Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar di Kompleks BRIDEX Jerudong.
17 Ogos	-Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah merasmikan 'The 2nd Annual Asia Pacific e-Government' di The Empire Hotel and Country Club.
18 Ogos	-Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Penyerahan Geran Tanah di Dewan Kampong Parit Pengkalan Batu.
19 Ogos	-Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah merasmikan Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer, Kampong Saba Tengah.

## Mesyuarat Persediaan Bagi Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Ke-4

Dua orang pegawai dari Bahagian Hal Ehwat Antarabangsa, Awang Adanan bin Haji Ibrahim dan Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad berlepas ke Quezon City, Republik Filipina bagi menghadiri Mesyuarat Persediaan bagi Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Ke-4 pada 13 hingga 16 Ogos. Pertandingan Kuiz ASEAN ini adalah merupakan salah satu projek di bawah Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI.

Mesyuarat yang diadakan selama tiga hari antara lain membincangkan laporan terkini mengenai pertandingan kuiz di peringkat kebangsaan dari negara-negara ahli; tema; peraturan; prosedur; cara-cara pengendalian (pertandingan perseorangan dan pertandingan



Awang Adanan bin Haji Ibrahim dan Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad, pegawai dari Bahagian Hal Ehwat Antarabangsa ketika menghadiri Mesyuarat Persediaan bagi Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Ke-4 di Quezon City, Republik Filipina.

kumpulan); anugerah khas; soalan-soalan khas; lembaga hakim; tajaan, publisiti serta promosi dan lain-lain hal.

Negara Brunei Darussalam akan menghantar tiga orang peserta yang terdiri dari penuntut-penuntut pra-

universiti yang berumur 18 tahun ke bawah ke Pertandingan Kuiz ASEAN Peringkat Serantau Ke-4 yang akan diadakan pada awal bulan Disember tahun ini di Manila, Republik Filipina.

Berita dan gambar sumbangan:  
Bahagian Hal Ehwat Antarabangsa

## Penghantaran Hadiah Peraduan Fotografi Jabatan Penerangan

Majlis Penghantaran Hadiah Peraduan Fotografi Jabatan Penerangan telah berlangsung pada 4 Ogos bertempat di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar.

Penghantaran hadiah bagi Kategori Jurugambar disempurnakan oleh Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengarah Penerangan.

Sementara Kategori Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan penghantaran hadiah disempurnakan oleh wakil daripada Ultra-New Image Photo Studio.



## Kursus Team Building Tepati Sasaran

Jabatan Penerangan melalui Bahagian Pengurusan dan Perkembangan Kapasiti telah menganjurkan kursus/latihan Team Building yang bertujuan untuk mengeratkan kerjasama dan memupuk semangat berpasukan di kalangan warga jabatan ini, sekali gus membina kekuatan fizikal dan mental.

Kursus berlangsung selama tiga hari mulai 14 hingga 16 Ogos, bertempat di Taman Peranginan Batang Duri, Temburong dan dikendalikan oleh Outward Bound Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Aktiviti yang disusun begitu mencabar dan memerlukan ketahanan mental dan fizikal, antaranya flying fox, merentas hutan sejauh 7 km, latihan berenang melawan arus, berkhemah di dalam hutan dan berkayak sejauh 7 km.

Acara berkayak melawan arus yang deras adalah pengalaman yang paling mencabar para peserta.

Kursus ini ternyata telah memenuhi sasarannya bukan saja untuk membina semangat berpasukan, tetapi juga sikap saling membantu sesama peserta.

Penghantaran sijil disempurnakan oleh Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong pada 26 Oktober.



Berita sumbangan:  
Bahagian Pengurusan dan Perkembangan Kapasiti  
Gambar sumbangan:  
Dk. Nur-Effa Ryina binti Pg. Haji Hamdani

## Selamat Hari Lahir

Awang Bazlan bin Haji Besar	1 Ogos
Awang Haji Masrin bin Baharin	1 Ogos
Awang Mohd. Hatral Azmi bin Abdul Hamid	2 Ogos
Dayang Hajah Marhani binti Haji Abdul Rahman	3 Ogos
Dayang Norsiah binti Haji Umar	3 Ogos
Dayang Aisah binti Haji Tengah	4 Ogos
Awang Yahya bin Haji Putra	5 Ogos
Awang Bolhassan bin Haji Abu Bakar	6 Ogos
Dayang Jorrani binti Haji Zainal	8 Ogos
Awang Haji Kamaran bin Haji Bungsu	9 Ogos
Awang Haji Hassan bin Haji Mudin	10 Ogos
Awang Saipol Bahrin bin Abdul Rahman	10 Ogos
Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong	11 Ogos
Awang Jamil bin Haji Salleh	14 Ogos
Dayang Azmah binti Haji Ahad	14 Ogos
Dayang Ruziah binti Haji Zakaria	14 Ogos
Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin	15 Ogos
Awang Asrin bin Mohd. Nor	15 Ogos
Dayang Hafizatul Atikah binti Abdullah	15 Ogos
Ampuan Mohd. Daud bin Ampuan Tengah	16 Ogos
Awang Abu Bakar bin Haji Duraman	17 Ogos
Awang Abdul Razak bin Ghani	22 Ogos
Awang Safri bin Talib	26 Ogos
Dayang Norliah binti Mohd. Zain	27 Ogos
Dayang Zubaidah binti Haji Salat	28 Ogos

Antara aktiviti yang mencabar mental dan fizikal peserta, mereka menjadikan cabaran tersebut pengalaman yang paling berharga dan berjaya melaluinya bersama.

